

KESAN STRESS TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK
DAN PERSONALITI PELAJAR POLITENNIK

NUR FARIDAH HANIM BINTI MOHD MOHTAR

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PERPUSTAKAAN UTHM



30000002418223

EN 127887

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS*

JUDUL: KESAN STRESS TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK
DAN PERSONALITI PELAJAR POLITEKNIK

SESI PENGAJIAN: 2007/2008

Saya NUR FARIDAH HANIM BINTI MOHD MOKHTAR
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (Sarjana Muda/Sarjana /Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:


(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap:

105 TAMAN PURNAMA, JALAN PEGAWAI,
05050 ALOR SETAR,
KEDAH DARUL AMAN.

Tarikh: 30 /10/2007


(TANDATANGAN PENYELIA)
MASITA BINTI MISDI
Pensyarah
Jabatan Pendidikan Kejuruteraan
Fakulti Pendidikan Teknikal
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
PUAN MASITA MISDI
(Nama Penyelia)

Tarikh: 30 /10/2007

- CATATAN:
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai atau TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah doktor Falsafah dan Sarjana secara Penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“ Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional ”

Tandatangan :
Nama Penyelia :
Tarikh :


MASITA BINTI MASDI
Pensyarah
Jabatan Pendidikan Kajuateraan
Fakulti Pendidikan Teknikal
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia 30/10/2007

**KESAN *STRESS* TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK DAN PERSONALITI
PELAJAR POLITEKNIK**


NUR FARIDAH HANIM BINTI MOHD MOKHTAR

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal
Jabatan Ikhtisas Pendidikan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

1 OKTOBER 2007

" Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya"

Tandatangan : 

Nama penulis : NUR FARIDAH HANIM

Tarikh : 30/10/2007.

Khas buat insan-insan yang terismewa buat diriku.....

Mama dan abah,

Pengorbanan kalian adalah semangat dan kekuatan buatku....

Rakan dan teman,

Kehadiran kalian amat bermakna dalam hidupku....

Dan semua adik beradik,

Yang Sentiasa Memberi Dorongan Untuk Berjaya

Juga Untuk

Zairey, Yana, Roziah, Fida

dan semua rakan-rakan seperjuangan yang dikasih sekalian..

Terima Kasih Atas Segalanya

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim....

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya, dapat saya menyiapkan projek sarjana ini. Sehubungan dengan itu, setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Puan Masita Misdi selaku penyelia yang banyak memberi tunjuk ajar dan membantu saya dalam perjalanan menuju destinasi kejayaan.

Tidak lupa juga kepada staf-staf Fakulti Pendidikan Teknikal Universiti Tun Hussein Onn yang telah memberi kerjasama yang baik sepanjang projek ini dijalankan. Selain itu juga, ribuan terima kasih juga saya hulurkan kepada semua pensyarah yang terlibat dalam memberi teguran dan tunjuk ajar. Di samping itu, terima kasih tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya yang banyak menyokong saya dan memberi saya semangat dalam meneruskan kehidupan yang penuh cabaran ini.

Akhir sekali, ribuan terima kasih buat rakan-rakan seperjuangan sekalian yang banyak membantu secara langsung mahupun tidak. Diharapkan kita semua akan berjaya seperti mana yang diharapkan dengan diiringi doa oleh insan-insan yang memberi kepercayaan kepada kita untuk berjaya dengan cemerlang. Semoga segala usaha kita diberkati Allah dan akan berhasil kemudian hari. Terima kasih sekali lagi.

ABSTRAK

Pendidikan di Malaysia mempunyai matlamat umum untuk melahirkan warganegara yang cemerlang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Isu yang kritikal bagi *stress* di kalangan pelajar adalah kesannya terhadap pembelajaran. Terdapat pelajar yang berupaya berhadapan dengan *stress* tanpa mengalami apa-apa kesan fizikal, mental atau emosi yang negatif serta boleh memotivasikan diri. Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengetahui kesan *stress* terhadap pencapaian akademik dan personaliti pelajar politeknik. Kajian telah dijalankan terhadap 311 orang responden yang terdiri daripada pelajar politeknik (POLIMAS, PTSS dan PSP). Kaedah pengumpulan data ialah dengan mengedarkan borang soal selidik yang mengandungi maklumat latar belakang pelajar, tahap bebanan, tahap *stress*, personaliti dan pencapaian akademik pelajar. Ujian ANOVA digunakan untuk melihat perbezaan tahap *stress* antara pelajar Jabatan Mekanikal, Elektrik dan Awam. Keputusan yang diperolehi menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara pelajar berlainan pengkhususan. Ujian korelasi Pearson digunakan untuk melihat perhubungan antara *stress* dengan bebanan, personaliti dan pencapaian akademik (CGPA). Analisis mendapati terdapat hubungan yang sederhana tetapi signifikan antara *stress* dengan bebanan dan personaliti. Hubungan antara *stress* dengan pencapaian akademik pula adalah tidak signifikan. Daripada kajian yang telah dijalankan, didapati individu di bawah tahap *stress* yang sederhana dan tahap *stress* yang tinggi mendapat pencapaian akademik yang kurang berbanding dengan pelajar yang mempunyai tahap *stress* biasa. Mekanisma yang menjelaskan mengapa pelajar menunjukkan prestasi yang buruk disebabkan *stress* adalah cara pemikiran mereka sendiri. Sekiranya mereka mudah berputus asa, mereka tidak dapat berusaha untuk meningkatkan pencapaian.

ABSTRACT

Education system in Malaysia has its own mission to produce citizen that is excellent in physical, emotional, spiritual and intellectual. There are student who can face stress without negative impact to their physical, mental and emotion. Furthermore, they could treat stress as a motivation. This research is generally done to study the effect of stress on academic performance and personality among polytechnic students. Study had been done among 311 polytechnic students, major in Electrical, Mechanical and Civil Engineering. Respondents were chosen from three polytechnics (POLIMAS, PTSS and PSP). Methods of data gathering are by distributing questionnaires, which contains the information of student demography, load phase, stress phase, personality and student academic achievement. ANOVA had been used to see the differences between stress phase among student from Mechanical, Electrical and Civil Department. Result shows that there is no difference in stress level between students from different department. Pearson correlation test had been used to see the relation between stress and load, personality and academic achievement (CGPA). Research found that there is a moderate but significant relation between stress, load and also personality. However, the relation between stress and academic achievement is not significant. From this research, student under moderate and high stress phase were found out to achieve less performance compared to students within the low stress phase. Mechanism that explains why students showed bad performance because of stress is the way of their thinking. If they tend to feel hopeless, they will never have the effort to upgrade their performance.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
BAB 1	PENGENALAN	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	4

1.4	Tujuan Kajian	5
1.5	Objektif Kajian	6
1.6	Persoalan Kajian	6
1.7	Hipotesis Kajian	7
1.8	Kerangka Konsep	8
1.9	Kepentingan Kajian	11
1.10	Skop Kajian	11
1.11	Batasan Kajian	12
1.12	Definisi Istilah	13

BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	15
2.2	<i>Stress</i>	17
2.3	Konsep Personaliti	18
2.4	Jenis-jenis Personaliti	19
2.5	Pencapaian Akademik	20
2.6	Sorotan Kajian Lepas	21
2.6.1	Simtom-simtom <i>Stress</i>	25
2.6.2	Perhubungan antara tekanan dan tindakbalas <i>stress</i>	26
2.6.3	Teori Keperluan Maslow	27
2.6.4	Kawalan <i>stress</i>	30
2.7	Kesimpulan	31

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	33
3.2	Rekabentuk Kajian	27

3.3	Prosedur Kajian	34
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	36
3.5	Instrumen Kajian	38
3.6	Kajian Rintis	41
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen.	42
3.8	Sumber Data	44
3.9	Pengumpulan Data	44
3.10	Penganalisan Data	44
3.11	Jangkaan Keputusan	45
3.12	Kesimpulan	46

BAB IV ANALISIS KAJIAN

4.1	Pengenalan	47
4.2	Demografi Responden	48
4.3	Dapatan Kajian	50
4.3.1	Kekerapan dan Peratus Pencapaian Akademik, Tahap Bebanan, Tahap <i>Stress</i> dan Jenis Personaliti antara Jantina	53
4.3.2	Analisis Peratus Jawapan Dari Responden	55
4.3.3	Dimensi Personaliti Responden	58
4.4	Pengujian Hipotesis Kajian	59
4.5	Perbezaan <i>Stress</i> Antara Latar Belakang (Jabatan)	59
4.6	Hubungan <i>Stress</i> dengan Pembolehubah	60

4.7	Bahagian Pertama	60
4.7.1	Hubungan Antara <i>Stress</i> , Tahap Bebanan, Personaliti dan Pencapaian Akademik (CGPA)	61
4.8	Bahagian Kedua	63
4.8.1	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Apabila <i>Stress</i> Berada Pada Tahap Biasa	64
4.8.2	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Apabila <i>Stress</i> Berada Pada Tahap Sederhana	65
4.8.3	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Apabila <i>Stress</i> Berada Pada Tahap Tinggi	66
4.8.4	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Apabila Tahap Bebanan Rendah	67
4.8.5	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Apabila Tahap Bebanan Sederhana	68
4.8.6	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Apabila Tahap Bebanan Tinggi	69
4.8.7	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Bagi Personaliti Jenis A	70
4.8.8	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Bagi Personaliti Jenis B	71
4.9	Rumusan	72

BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	73
5.2	Perbincangan	74

5.2.1	Demografi Responden	75
5.2.2	Kekerapan dan Peratusan Tahap Bebanan, Tahap <i>Stress</i> Dan Jenis Personaliti Pelajar	75
5.2.3	Perbincangan Analisis Peratusan Jawapan Dari Responden.	76
5.2.4	Demensi Personaliti Responden	81
5.2.5	Perbezaan <i>Stress</i> antara Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Awam dan Elektrik.	82
5.2.6	Hubungan Antara <i>Stress</i> , Tahap Bebanan, Personaliti dan Pencapaian Akademik (CGPA)	83
5.2.7	Hubungan apabila tahap pemboleh ubah berbeza-beza	
5.3	Cadangan	87
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	88
5.5	Kesimpulan	89
	RUJUKAN	90
	LAMPIRAN	98

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	<i>Skala Likert</i> yang digunakan	38
3.2	Dimensi Personaliti yang akan dikaji.	38
3.3	Format borang soal selidik	40
3.4	Kebolehpercayaan item	43
3.5	Klasifikasi Kekuatan Korelasi	
	Salkind, N. J (2000)	45
4.1	Profail Demografi Responden	48
4.2	Tahap Bebanan, Tahap Stress dan Jenis Personaliti Pelajar	50
4.3	Kekerapan dan Peratus Pencapaian Akademik, Tahap Bebanan, Tahap <i>Stress</i> dan Jenis Personaliti antara Jantina	53
4.4	Peratus Kekerapan Jawapan Responden Bagi Bahagian B	55
4.5	Peratus Kekerapan Jawapan Responden Bagi Bahagian C	56
4.6	Peratus Kekerapan Jawapan Responden Bagi Bahagian D	57

4.7	Min dan Sisihan Piawai bagi Dimensi Personaliti	58
4.8	Hubungan Antara Pemboleh Ubah	61
4.9	Hubungan Stress dengan Pencapaian Akademik	62
4.10	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Bagi Tahap <i>Stress</i> Biasa	64
4.10	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Pada Tahap <i>Stress</i> Sederhana	65
4.11	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Pada Tahap <i>Stress</i> Tinggi	66
4.12	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Pada Tahap Bebanan Rendah	67
4.13	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Pada Tahap Bebanan Sederhana	68
4.14	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Bagi Tahap Bebanan Tinggi	69
4.15	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Bagi Personaliti Jenis A	70
4.16	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Bagi Personaliti Jenis B	71
5.1	Hubungan Tahap Bebanan dengan Stress	85
5.2	Hubungan Tahap Stress dengan Personaliti	85

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Model Proses Pendidikan	16
1.2	Kerangka Konsep	29
2.1	Perhubungan antara tekanan dan tindakbalas <i>stress</i>	35
2.2	Susunan Keperluan Maslow	45
3.1	Carta Alir Kajian	46
4.1	Pecahan Responden Mengikut Jabatan	47
4.2	Peratus Tahap Stress Responden	48
4.3	Peratus Jenis Personaliti Responden	58
4.4	Peratus Taburan CGPA Responden	60
4.5	Perbezaan Antara Jantina	61
5.1	Hubungan Antara Pembolehubah	84

SENARAI SINGKATAN

SPSS	-	<i>Statistical Packages For Social Science</i>
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
POLIMAS	-	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
PSP	-	Politeknik Seberang Perai
PTSS	-	Politeknik Tunku Syed Sirajjudin
JKA	-	Jabatan Kejuruteraan Awam
JKE	-	Jabatan Kejuruteraan Elektrik
JKM	-	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal
ANOVA	-	<i>Analysis of Varians</i>

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Borang Soal Selidik
B	Kajian Rintis
C	Soalan Temubual
D	Borang Pengesahan Pakar
E	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
F	Dapatan Kajian

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan di Malaysia mempunyai matlamat umum yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Di dalam pernyataan falsafah tersebut dapat dilihat dengan jelas hasrat dan hala tuju pendidikan yang bercorak individu dan juga masyarakat. Kedua-duanya adalah selaras iaitu untuk melahirkan warganegara yang cemerlang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Satu perkara yang perlu digarap dengan jelas oleh setiap sistem pendidikan adalah watak manusia yang hendak dilahirkan melalui sistem tersebut. Watak manusia yang ingin dijejmakan merupakan watak yang indah dan unggul. Secara fitrahnya, manusia ialah insan bersifat baik dan mulia, amanah dan bertanggungjawab, warganegara yang setia dan bersemangat tinggi. Insan yang baik akan membentuk keluarga yang baik dan seterusnya menjadi masyarakat dan bangsa yang baik.

Malaysia berkeinginan untuk mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Dengan ini, Malaysia akan memasuki satu era pembangunan yang pesat dan terancang. Oleh itu, terdapat permintaan yang tinggi bagi kemahiran dalam pelbagai bidang, keupayaan pengurusan dan

keusahawanan dan juga peningkatan pembangunan teknologi dan pembaikan penggunaan modul.

Walaupun bagaimanapun, masalah yang perlu diselesaikan adalah kekurangan tenaga kerja yang terlatih dan berkemahiran pada masa ini dan pencapaian akademik tenaga kerja yang sedia ada yang rendah (Tony Ontok, 2004). Justeru itu, tenaga kerja yang produktif dan mahir mesti dilatih dengan nilai etika dan moral serta iltizam untuk mencapai kecemerlangan.

Tenaga mahir dan separa mahir amat diperlukan supaya negara kita dapat bersaing dengan negara-negara maju. Politeknik merupakan institusi latihan teknik untuk pelajar-pelajar yang berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Objektif utama penubuhan politeknik adalah untuk menyediakan tenaga teknik separa mahir bagi sektor industri dan perdagangan di Malaysia dan ia menawarkan kursus-kursus bagi peringkat Sijil dan Diploma. Dalam memenuhi keperluan negara, pelajar politeknik perlu memastikan pencapaian akademik dan personaliti mereka adalah baik.

Smither (1994), menyatakan pelajar sering berhadapan dengan *stress* dalam menjalani kehidupan akibat daripada sumber *stress* seperti, situasi beban tugas yang diberikan oleh pensyarah, situasi kolej yang tertekan, masalah penyesuaian, dan persaingan dalam pencapaian akademik.

Menyedari akan hakikat ini, adalah dirasakan perlu dijalankan kajian mengenai kesan *stress* terhadap pencapaian akademik dan personaliti pelajar politeknik, kerana pengetahuan ini akan dapat digunakan bagi membantu mereka menanggapi *stress* dan kehidupan yang mencabar hari ini.

1.2 Latar Belakang Masalah

Pendidikan di Malaysia semakin hari semakin bermutu. Perubahan semasa di kalangan arus modenisasi dan globalisasi menjadikan keperluan pembelajaran perlu dipertingkatkan dan dipertambahkan kepada pengkayaan multi bidang.

Berdasarkan keperluan pembelajaran yang tinggi tersebut, kita terpaksa membayar harga yang wujud dalam bentuk bebanan terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran serta menghadapi permasalahan sampingannya. Arus pendidikan hari ini semakin mendesak para pelajar untuk bekerja keras dan lebih masa demi mencapai permintaan tinggi pendidikan tersebut, (Ferlis, Rosnah dan Lailawati, 2005).

Di samping usaha peningkatan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, para pelajar semakin mula tertekan atau sekurang-kurangnya pernah merasa tertekan dengan bebanan dalam proses pendidikan ini. Hasilnya, secara langsung atau tidak langsung mengalami tekanan yang dianggap sebagai suatu keuzuran berpotensi mengganggu kelancaran proses pembelajaran secara langsung atau tidak langsung.

Justeru itu, simptom *stress* atau tekanan di kalangan pelajar ini adalah suatu fitrah semula jadi kemanusiaan yang perlu ditangani dengan bijak dan bertimbang rasa. Adalah suatu tindakan yang rasional untuk memikir dan melaksanakan resolusi penyelesaian bagi masalah-masalah pelajar disamping melaksanakan pelbagai pelan peningkatan terhadap pendidikan.

Menurut McCormik (2006), *stress* didefinisikan dalam bentuk toleransi yang menyatakan bahawa persekitaran yang tertekan boleh dianggap berada di luar batasan toleransi yang normal dalam kehidupan seharian seseorang dan rangsangan

tersebut boleh ditafsirkan sebagai kesakitan pada peringkat tertinggi. Beliau membuat kesimpulan bahawa sesuatu yang kelihatan tekanan pada seseorang berkemungkinan menjadi cabaran dan keseronokan kepada seseorang yang lain.

1.3 Penyataan masalah

Hasil kajian oleh Penyelidikan Kesihatan Mental (2005) menyatakan, satu daripada lima remaja mengalami kemurungan. Kajian yang dibuat pada tahun 1997 menunjukkan, kira-kira 13% dari enam juta remaja di Malaysia menderita akibat beberapa masalah mental berikutan peningkatan *stress*.

Selain dari soal kerja dan kewangan, punca utama *stress* berlaku ialah disebabkan masalah kesihatan, rakan, keluarga dan ibu bapa. Ini terbukti, apabila didapati bukan saja golongan berkerja menjadi majoriti mengalami *stress* sebaliknya, golongan pelajar juga terbabit. Ia berpunca dari faktor perubahan gaya hidup, sosial dan ibu bapa yang terlalu mendesak anak mereka agar cemerlang dalam akademik sehingga meningkatkan *stress* dalam kalangan pelajar.

Jumlah itu boleh meningkat tinggi dalam tempoh beberapa tahun berikutan, dengan pengharapan tinggi yang dibebankan kepada pelajar untuk cemerlang dalam pelajaran dan kerjaya. Apa yang membimbangkan, *stress* boleh membawa beberapa kesan dan penyakit lain pada individu terbabit termasuk, perubahan personaliti, agresif, kemurungan, keresahan, pening kepala, cirit birit dan sebagainya.

Persekitaran di institut pengajian tinggi menyebabkan pelajar terpaksa menghadapi banyak *stress*. Sesetengahnya dapat dijangka dan ada juga yang tidak dapat diduga. Institut pengajian tinggi adalah alam yang mempengaruhi dan